

PELABUR ASING DIGESA LABUR DALAM HARTANAH

KUALA LUMPUR, 2 SEPT (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PARA PELABUR ASING HARUS MENGAMBIL KESEMPATAN MELABUR DALAM BIDANG HARTANAH DI MALAYSIA SEBAGAI PELABURAN JANGKA PANJANG.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI DASAR PEMILIKAN HARTA YANG MEMBAWA KEPADA KEMAKMUKMURAN DAN BELIAU YAKIN DASAR ITU DAPAT MEMBANTU MENINGKATKAN SEMULA INDUSTRI YANG KINI MENGHADAPI MASALAH AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS PEMBUKAAN KONGRES HARTANAH ASIA-PASIFIK 1987 DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI. TEKS UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, RAJA ARIFFIN RAJA SULAIMAN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA BERUSAHA DENGAN SEDAYA UPAYANYA UNTUK MENINGKATKAN INDUSTRI HARTANAH. LANGKAH-LANGKAH ITU TERMASUKLAH MENURUNKAN KADAR PREMIUM PEMINDAHAN HAK, MENGURANGKAN CAJ-CAJ PENUKARAN PENGGUNAAN TANAH, MENGEMASKINIKAN KEPERLUAN INFRASTRUKTUR, MENGURANGKAN KERENAH BIROKRASI BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES KELULUSAN, KADAR BAYARAN PEMBIAYAAN DAN MENGELUARKAN SEBAHAGIAN DARIPADA SIMPANAN BAKAL-BAKAL PEMBELI RUMAH DARI KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP).

KATANYA, SALAH SATU PERUBAHAN DIBUAT IALAH BAGI MEMBOLEHKAN PELABUR-PELABUR ASING MENANAM MODAL DAN MEMBELI PELBAGAI JENIS HARTANAH SEPERTI PERTANIAN, PERUMAHAN, KOMERSIAL DAN HARTA-HARTA PERUSAHAAN.

BELIAU BERKATA, MASIH TERDAPAT KEKURANGAN PERUMAHAN BAGI GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH DAN SEDERHANA DAN UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN MEREKA, KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN RANCANGAN PERUMAHAN KHAS BAGI MEMBINA 80,000 UNIT RUMAH SETAHUN DALAM TEMPOH TIGA TAHUN MULAI TAHUN 1986.

KATANYA, TERDAPAT PERMINTAAN YANG TEGUH BAGI RUMAH-RUMAH KOS HARGA SEDERHANA DI SELURUH NEGARA. PARA PEMAJU DAN PENGUSAHA YANG MEMPUNYAI STRATEGI-STRATEGI BETUL DISERTAI DENGAN HARGA RENDAH BAGI BAHAN-BAHAN BINAAN DAN PENGURANGAN DALAM KOS PEMBINAAN, BOLEH MERAH KADAR KEUNTUNGAN YANG MUNASABAH.

"SEHUBUNGAN INI, PENDUDUK SEMASA KITA IALAH KIRA-KIRA 16 JUTA ORANG DAN NEGARA INI MEMPUNYAI KADAR PERTUMBUHAN KIRA-KIRA 2.6 PERATUS. DENGAN ADANYA KADAR PERTUMBUHAN DEMOGRAFIK YANG PESAT, PERMINTAAN UNTUK TEMPAT TINGGAL AKAN BERTERUSAN," KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, PARA PELABUR ASING TIDAK HARUS BIMBANG TERHADAP KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI RENDAH SEKARANG.

KATANYA, MALAYSIA YAKIN TERHADAP MASA DEPAN EKONOMI BERIKUTAN LANGKAH-LANGKAH DAN INSENTIF YANG DIPERKENALKAN BARU-BARU INI UNTUK PELABURAN DAN PEMULIHAN HARGA-HARGA BEBERAPA KOMODITI UTAMA. -- BE BERNAMA